

Headline	Pulihara spesies hutan terancam		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 Aug 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	23	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	867 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 17,136
Frequency	Daily	PR Value	RM 51,407



Pulihara spesies hutan terancam

SATU dasar perlu diperkenal bagi membolehkan penanaman semula pokok dalam satu atau kawasan balak bermilai dibenarkan dengan kadar 30 peratus maksimum dan baki 70 peratus dikekalkan sebagai hutan.

Dengan kadar penggunaan 30 peratus itu, maka usaha-usaha penanaman semula boleh dilakukan dan dalam masa yang sama, penjanaan pendapatan daripada hasil hutan dalam dilakukan.

Malaysia pada masa ini mempunyai keluasan kawasan hutan 10 juta hektar (ha) dengan lapan juta ha di Semenanjung Malaysia dan proses pembalakan 30 peratus itu akan ditutur dengan penanaman semula pokok bermilai tinggi seperti meranti, balau, cengal, mesawa dan keledang.

Cadangan tersebut diutarakan oleh Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), **Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod** bagi membolehkan kekayaan semula jadi yang dimiliki dapat dimanfaatkan.

Beliau berkongsi pandangan tersebut ketika ditemui merasmikan seminar Penebusgunaan Tanah Rehabilitasi dan Pemulihara Kawasan Terosot anjuran FRIM di ibu negara baru-baru ini.

Walau bagaimanapun beliau berkata, cadangan tersebut bergantung kepada persetujuan kerajaan negeri kerana sektor perhutanan terletak bawah bidang kuasa mereka.

Beliau berkata, kerja-kerja perhutanan semula wajar diteruskan bagi mengelakkan berlaku kepuusan terutama kepada spesies balak yang bermilai tinggi.

FRIM kata beliau, mempunyai pengalaman menyelamatkan

Oleh LAUPA JUNUS
laupajunus@hotmail.com



ABDUL LATIF MOHMOD

73 daripada 93 spesies pokok damar, sekali gus menjadikannya spesies berkenaan terkeluar dari Senarai Merah dalam Kesatuan Antarabangsa Bagi Untuk Pemuliharaan Alam Sekitar (IUCN) kepada senarai hijau atau tidak lagi terancam.

Beliau berkata, program perhutanan semula penting bagi menyelamatkan spesies komersial dan usaha tersebut telah lama dilakukan terutama di kawasan bekas lombong dengan kerjasama dan bantuan dari Korea Forest Service sejak 2012.

Dengan perkembangan ekonomi yang rancak, penebangan hutan tidak mungkin dapat dielakkan.

Pengurangan hutan dan penggunaan spesies tumbuhan untuk kayu dan resin boleh menyebabkan kepupusan spesies tertentu.

Usaha tersebut juga mendapat sokongan negara rautan ASEAN dengan matlamat memulihara spesies hutan terancam.

"Kita frim ada program perhutanan semula dan kawasan kita memang bekas lombong dan menjadi contoh pemuliharaan hutan yang buatan manusia," ujarnya.

Dalam pada itu, Abd. Latif berkata, FRIM terlibat dalam penebusgunaan tanah dan pemulihara tapak-tapak yang terganggu dan bermasalah termasuk hutan telah ditebang, bakau, tapak bekas perlombongan dan tapak pelupusan.

"Malah, kampus utama FRIM merupakan contoh bagi

INFO

- Seminar dihadiri 40 peserta yang terdiri daripada pakar, penyelidik, ahli akademik dan pihak yang terlibat dalam pengurusan hutan dari sembilan negara ASEAN.
- Terdapat sebanyak 19 pembentangan termasuk sembilan oleh wakil negara ASEAN.
- Terdapat 21 pembentangan poster.
- FRIM diwartakan sebagai Tapak Warisan Semula Jadi pada tahun 2009.
- FRIM diwartakan Warisan Kebangsaan pada 2012
- FRIM berusaha ke arah mencapai status Tapak Warisan Dunia UNESCO menjelang 2020

usaha penghijauan semula dan pemuliharaan hutan yang dimulakan pada tahun 1920-an.

"Hari ini, FRIM merupakan Hari Hujan Tropika buatan manusia yang tertua dan terbesar

di dunia dan ia menjadi model bagi penghijauan semula kawasan terosot.

Beliau berkata, menerusi sokongan agensi awam dan syarikat swasta dari institusi kebangsaan dan antarabangsa secara individu atau melalui kerjasama projek-projek, FRIM berjaya menghijaukan dan memperkaya kepelbagaian pokok di kawasan bermasalah dan terganggu," ujarnya.

Program perhutanan semula akan membolehkan proses pengayaan semula spesies bermati tinggi dan penambahbaikan nutrien kepada tanah dan kembali semula kepada hutan yang membolehkan spesies flora dan fauna saling berinteraksi.

Usaha yang menunjukkan kejayaan di Bidor, Perak sebagai tanah bekas lombong yang berjaya dipulihkan dalam tempoh kurang 20 tahun dengan kerjasama Jabatan Mineral dan Geosains iaitu sebuah agensi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Sementara itu, menurut Pengawai Penyelidik Kanan FRIM, Dr. Ang Lai Hoe berkata, proses perhutanan semula penting sehingga ke tahap mencapai keselimbangan dalam ekosistem hutan tersebut.

"Kita tengok sama telah mencapai keselimbangan, komposisi hutan, berapa jumlah

spesies hutan hilang yang berjaya kita gantikan," ujarnya yang mengetuai proses perhutanan semula jadi Bidor.

Katanya, proses pemuliharan melibatkan beberapa fasa bergantung kepada sejauh mana spesies kembali kepada keadaan asal dan berlaku proses kestabilan dan adakah hubungan antara spesies dalam ekosistem hutan tersebut semakin kompleks.

Setakat ini, terdapat kawasan bekas lombong seluas 113,750 ha di negara ini.

Dalam pada itu, seminar du-

hari yang bertemakan *Penanaman Spesies Senarai Merah Kebangsaan dan IUCN* mendapat sokongan dari Korea Forest Service dan Asia Pacific Association of Forestry Research Institutions (APAFRI).

Seminar serantau tersebut bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan peserta mengenai amalan penambakan, rehabilitasi dan pemuliharaan kawasan yang terosot, berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam bidang yang berkaitan dari seluruh rantau Asia serta menggalakkan kerjasama dan penubuhan rangkaian kerjasama yang lebih baik di rantau ASEAN dalam penjagaan dan pemuliharaan hutan.

Program la merupakan salah satu daripada aktiviti di bawah projek Asian Forest Cooperation Organisation (AFoCo) bertajuk *Domestication of Endangered, Endemic and Threatened Plant Species in Disturbed Terrestrial Ecosystem in Malaysia and Thailand*.

Yang turut hadir dua Timbalan Ketua Pengarah FRIM iaitu Dr. Ismail Harun dan Datuk Dr. Rahim Sudin; Pengarah Bahagian Bioteknologi Perhutanan, Datuk Dr. Marzalina Mansor serta wakil-wakil AFoCo dan APAFRI.



DR ABDUL LATIF MOHMOD (duddiempat dari kanan) bersama pegawai kanan FRIM dan sebahagian peserta seminar Penebusan Tanah Rehabilitasi dan Pemulihara Kawasan Terosot di ibu negara baru-baru ini.

Walau bagaimanapun

beliau berkata, cadangan

tersebut bergantung kepada

persetujuan kerajaan negeri

kerana sektor perhutanan

terletak bawah bidang kuasa

mereka.

Beliau berkata, kerja-kerja

perhutanan semula wajar

diteruskan bagi mengelakkan

berlaku kepuusan terutama

kepada spesies balak yang

bermilai tinggi.

FRIM kata beliau, mempunyai

pengalaman menyelamatkan

pengalaman menyelamatkan